



**PENYATA RASMI**  
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KETIGA  
*Third Parliament*

PENGGAL PARLIMEN KEDUA  
*Second Session*

**KANDONGAN-NYA**

**MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 11]**

**PEMASHHORAN OLEH YANG DI-PERTUA:**

Titah Uchapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 11]

Memperkenankan Rang Undang<sup>2</sup> [Ruangan 27]

Mengalu<sup>2</sup>kan Ahli Baru [Ruangan 29]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 29]

Uchapan Ta'ziah kepada Keluarga Mendiang Tan Sri Khaw Kai-Boh [Ruangan 31]

**JAWAPAN<sup>2</sup> MULUT BAGI PERTANYAAN<sup>2</sup> [Ruangan 32]**

**RANG UNDANG<sup>2</sup> DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT [Ruangan 93]**

**USUL<sup>2</sup>:**

Jalan<sup>2</sup> Masok ka-Parlimen [Ruangan 97]

Jawatan-kuasa Pemilih—Perlantekan Ahli<sup>2</sup> [Ruangan 98]

Penyata Jawatan-kuasa Peratoran<sup>2</sup> Meshuarat (DR. 1 tahun 1972) [Ruangan 99]

Jawatan-kuasa Kira<sup>2</sup> Wang Negara—Lantekan Pengerusi [Ruangan 107]

Uchapan Terima Kaseh kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 108]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KETIGA**

*Penyata Rasmi*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

---

Hari Rabu, 10hb Mei, 1972

---

*Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang*

**YANG HADHIR:**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., J.M.N, P.J.K., S.P.M.S. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

Yang Berhormat Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P., J.S.M. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

- Yang Berhormat TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATO' PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).

## DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

## MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di-bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang di-sebutkan dalam Perlembagaan:

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie.

## PEMASHHORAN OLEH YANG DI-PERTUA

TITAH UCHAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, saya hendak ma'alumkan kepada Dewan ini ia-itu pada pagi semalam Majlis Dewan Ra'ayat bersama<sup>2</sup> dengan Majlis Dewan Negara telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-dalam Dewan ini. Duli Yang Maha Mulia dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Uchapan di-Raja kepada kedua<sup>2</sup> Majlis Parlimen. Saya telah mengarahkan supaya satu salinan Titah Uchapan itu di-berikan kepada tiap<sup>2</sup> sa-orang Ahli Majlis ini dan juga di-chetak dalam Laporan Perbahathan Rasmi Dewan Ra'ayat.

**Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat dan Yang Berhormat Ahli<sup>2</sup> Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat:**

*Beta mengucapkan shukor kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah melimpahkan rahmat-Nya untok Beta melafadzkan ucapan kepada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat kedua<sup>2</sup> Dewan Parlimen pada hari ini. Negara kita telah menikmati kemerdekaan hampir<sup>2</sup> lima belas tahun, dalam tempoh mana kita telah menempohi berbagai<sup>2</sup> peristiwa yang suka dan duka. Kita harus-lah shukur kehadrat Ilahi yang telah melindungi kita daripada benchana<sup>2</sup> yang buruk dan dengan ihsan-Nya Negara kita telah maju setapak demi setapak. Beta berasa sukachita kerana di-waktu permulaan pemerentahan Beta, Negara kita telah bergerak dengan pesat-nya ka-arrah perpaduan dan kemajuan.*

*Sebagai Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat sedia ma'alum, tahun lalu merupakan suatu detjk sejarah yang tidak boleh di-lupakan kerana dalam tahun itu-lah lahir-nya Dasar Ekonomi Baru yang menjadi asas Rancangan Malaysia Kedua yang telah di-luluskan oleh Parlimen ini. Rancangan Malaysia Kedua ini merupakan rancangan pembangunan yang menekankan perpaduan ra'ayat sebagai tujuan utama. Di-dalam rancangan ini terkandung semangat memandang ka-hadapan dan pedoman<sup>2</sup> bagi menentukan haluan masa depan Negara.*

*Bagi tahun<sup>2</sup> yang akan datang, ada-lah menjadi suatu perkara yang termesti bagi Negara kita memupok nilai<sup>2</sup> yang sama yang akan menjadi asas<sup>2</sup> pegangan bagi masharakat kita yang berbilang keturunan ini sebagaimana yang terkandung di-dalam Rukunegara.*

*Dasar Ekonomi Baru ada-lah di-lahirkan dari keazaman Kerajaan mewujudkan perpaduan ra'ayat menerusi penyusunan semula struktur masharakat dan pembasmian kemiskinan di-kalangan ra'ayat tanpa mengira keturunan. Kerajaan Beta telah pun menetapkan bahawa dalam tempoh 20 tahun, orang<sup>2</sup> Melayu dan kaum<sup>2</sup> bumiputra yang lain akan dapat menyertai sekurang<sup>2</sup>-nya 30 peratus daripada jumlah aktibiti<sup>2</sup> dalam semua peringkat dan jenis perdagangan dan perusahaan. Ada-lah menjadi matlamat terakhir Kerajaan Beta hendak melahirkan masharakat Malaysia yang bersatu padu dalam mana penduduk<sup>2</sup>-nya tidak lagi di-kenali dengan aktibiti<sup>2</sup> pekerjaan dan tempat<sup>2</sup> tinggal mereka.*

*Dasar Kerajaan Beta ada-lah berazam hendak mewujudkan ahli<sup>2</sup> perdagangan dan perniagaan di-kalangan orang<sup>2</sup> Melayu dan kaum<sup>2</sup> bumiputra yang lain sebagai satu langkah menyusun semula masharakat. Usaha<sup>2</sup> bagi mencapai matlamat ini ada-lah dengan chara meluaskan lagi peluang<sup>2</sup> dan membanyakkan pusat<sup>2</sup> perusahaan serta menyediakan*

kemudahan<sup>2</sup> yang di-nikmati di-bandar<sup>2</sup> ka-merata tempat di-kawasan luar bandar. Beta berharap usaha<sup>2</sup> ini akan melahirkan sikap baru terhadap nilai<sup>2</sup> yang dapat mewujudkan perimbangan dari segi ekonomi antara penduduk<sup>2</sup> di-Negara ini.

Usaha<sup>2</sup> memodenkan sektor luar bandar ada-lah penting bagi menghapuskan kemiskinan di-kalangan ra'ayat dan penyusunan semula masyarakat kita. Proses ini hanya dapat di-jayakan dengan mengembangkan kemajuan ilmu sains dan teknologi ka-perusahaan<sup>2</sup> luar bandar bagi meninggikan ekonomi mereka. Proses ini bukan sahaja akan dapat mengeluarkan hasil<sup>2</sup> pertanian yang baru dan chara<sup>2</sup> pertanian moden, bahkan juga akan dapat memperluaskan bidang aktibiti<sup>2</sup> pengeluaran dan perdagangan di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar.

Di-samping berusaha menyusun semula masyarakat dan memodenkan sektor luar bandar, Kerajaan juga berusaha memperbaharui dan memajukan kawasan<sup>2</sup> bandar. Rancangan<sup>2</sup> perumahan, pembersehan kawasan<sup>2</sup> sesak dan setingan<sup>2</sup> haram, menyedia dan memajukan kawasan<sup>2</sup> perdagangan dan perusahaan di-kawasan<sup>2</sup> bandar yang akan menitekberatkan penyertaan semua kaum di-Negara ini ada-lah juga bertujuan melahirkan suatu bangsa Malaysia yang tulin yang mematohi dan mengamalkan prinsip<sup>2</sup> Rukunegara.

Satu lagi langkah yang di-jalankan oleh pehak Kerajaan dengan usaha-nya untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu ia-lah, dengan sa-berapa yang boleh, menghapuskan perbezaan perkembangan ekonomi kawasan. Kerajaan Beta telah pun menjalankan usaha<sup>2</sup> pembangunan kawasan, yang bertujuan memajukan kawasan<sup>2</sup> yang maseh belum di-buka supaya kemajuan ekonomi menyeluruh ka-semua pelusok negara. Kerajaan berharap bahawa dengan terlanchar-nya rancangan<sup>2</sup> pembangunan yang raksaksa saperti yang di-dapati di-Johor, Pahang, Kelantan, Trengganu dan Sarawak akan dapat mengembangkan pendapatan Negara, dan juga, pembahagian kekayaan yang lebeh meluas dan adil. Beta berharap bahawa ra'ayat akan menyambut chabaran ini, dan dengan jalan ini, akan dapat menchapai taraf hidup yang lebeh baik.

Kerajaan Beta telah pun membentok satu dasar pertanian dan perikanan dalam mana segala usaha ada-lah di-giatkan ka-arrah menchapai pengeluaran yang lebeh banyak dan harga yang lebeh baik bagi menjamin pendapatan berseh yang berpatutan bagi petani<sup>2</sup> dan nelayan<sup>2</sup> kita. Beta berharap bahawa petani<sup>2</sup> dan nelayan<sup>2</sup> akan menyambut usaha<sup>2</sup> Kerajaan dan bersama<sup>2</sup> menggembeling tenaga untuk memajukan pertubohan<sup>2</sup> saperti persatuan<sup>2</sup> peladang, persatuan<sup>2</sup> nelayan, sharikat<sup>2</sup> kerjasama dan lain<sup>2</sup> pertubohan yang bersangkutan dengan pembangunan pertanian dan perikanan.

Salah satu usaha bagi menchapai perpaduan ra'ayat ada-lah dengan chara memberi peluang yang saksama kapada mereka<sup>2</sup> yang kurang bernasib baik, ia-itu peluang<sup>2</sup> dari berbagai<sup>2</sup> bidang saperti pelajaran, pekerjaan, perumahan dan kesihatan. Pelajaran ada-lah menjadi alat yang utama bagi membolehkan ra'ayat mengechap kebebasan, ke'adilan, dan lain<sup>2</sup> nikmat hidup. Dengan ada-nya pelajaran, ra'ayat akan dapat menggunakan dengan sempurna peluang<sup>2</sup> yang di-sediakan. Kerajaan Beta sedang menumpukan sa-genap daya dan perhatian bagi membanteras segala bentuk halangan dan rintangan terhadap kemajuan pelajaran di-kalangan mereka<sup>2</sup> yang kurang bernasib baik. Pelaksanaan dasar untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar utama di-semua perengkat sekolah sedang dan akan berjalan dengan pesat-nya.

Dengan kemajuan yang terchapai dalam bidang pelajaran setakat ini dan dengan bertambah-nya gulongan ra'ayat yang berkeलयakan, maka timbul-lah desakan<sup>2</sup> supaya diperluaskan peluang<sup>2</sup> untuk mengikuti pelajaran tinggi di-pringkat universiti dan maktab. Dengan tertuboh-nya Universiti Pertanian dan dengan meninggikan Maktab Teknik ka-taraf universiti dengan nama Institiut Teknologi Kebangsaan, kita sekarang mempunyai lima buah universiti. Ini akan membanyakkan lagi tempat<sup>2</sup> dan meluaskan peluang untuk pelajaran tinggi serta pengeluaran tenaga ra'ayat yang berkebolehan. Di-samping itu, supaya kita sejajar dengan kemajuan yang pesat dalam bidang sains dan teknologi, Kerajaan Beta senantiasa menitekberatkan pelajaran dalam bidang<sup>2</sup> tersebut di-semua peringkat pelajaran. Kerajaan juga memberi dorongan ka-atas perkembangan<sup>2</sup> penyelidikan dalam bidang<sup>2</sup> tertentu yang akan di-gunakan sebagai asas bagi kemajuan ekonomi dan sosial.

radio, talivishen dan lain<sup>2</sup> alat sebaran am. Berkenaan dengan tayangan filem<sup>2</sup> yang menjadi persoalan kerana menyentoh fahaman dan nilai<sup>2</sup> moral beberapa lapisan dan golongan ra'ayat. Kerajaan Beta berchadang hendak menubuhkan suatu Jawatankuasa Parlimen yang mengan-dongi wakil<sup>2</sup> daripada semua parti di-dalam Parlimen. Jawatankuasa ini di-chadangkan di-beri ketentuan tugas bagi mengkaji perkara ini dengan sa-dalam<sup>2</sup>-nya dan membuat shor<sup>2</sup> yang sesuai kapada Kerajaan.

Beta suka mengambil sempena pada pembukaan penggal Parlimen ini untuk menguchap-kan setinggi<sup>2</sup> penghargaan kapada Kerajaan yang di-pimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Beta, Tun Abdul Razak, yang telah memimpin Negara dengan bijaksana, adil dan saksama. Perdana Menteri kita memang telah terkenal sebagai sa-orang pentadbjr yang chekap. Hasil daripada bimbingan dan juga pembaharuan<sup>2</sup> yang telah di-asaskan semenjak beliau memegang teraju Kerajaan, badan<sup>2</sup> dan alat<sup>2</sup> gerakan kemajuan dan seluroh jentera pentad-biran awam pada masa ini ada-lah mempunyai kecekapan bukan sahaja dalam perkara<sup>2</sup> perenchanaan dan pembentokan dasar<sup>2</sup>, bahkan juga mempunyai kemampuan bagi melaksana-kan ranchangan<sup>2</sup> yang telah di-taja.

Tahun<sup>2</sup> enam pulohan yang telah kita tinggalkan dan tahun<sup>2</sup> tujuh pulohan yang sedang di-lalui ada-lah merupakan tahun<sup>2</sup> yang penoh dengan ranchangan<sup>2</sup> pembangunan yang ber-tujuan untuk meninggikan taraf ekonomi dan sosial setiap ra'ayat. Segala ranchangan yang di-rangka dan segala matlamat yang di-tuju tidak akan dapat di-chapai sekira-nya ra'ayat mengambil sikap dingin terhadap ranchangan<sup>2</sup> itu. Setiap ra'ayat mempunyai peranan masing<sup>2</sup>, dan di-atas daya usaha mereka-lah terletak-nya kejayaan ranchangan<sup>2</sup> pembangunan tersebut. Beta perchaya bahawa kejayaan ranchangan<sup>2</sup> itu kelak akan membawa Negara ini ka-suatu zaman yang chermerlang dalam mana setiap ra'ayat akan dapat menikmati kebahagiaan hidup dengan aman, makmor dan penoh rasa muhibbah. Akhir-nya, Beta berseru supaya ra'ayat Beta akan mengamalkan prinsip<sup>2</sup> Rukunegara demi kepentingan perpaduan dan kesetabilan Negara.

The English translation is as follows—

**Mr President, Mr Speaker, Honourable Members of both Houses of Parliament:**

*WE thank God for the Blessings He has showered upon US which have enabled US to deliver this Address before Honourable Members of both Houses of Parliament today. OUR country has enjoyed independence for almost fifteen years now, and during this period, WE have encountered both happy and painful events. We are grateful to Him for having protected us from disaster, and through His Benevolence OUR country has continued to develop progres-sively. WE feel especially happy to note that at the beginning of OUR reign, our country has progressed unerringly towards unity and progress.*

*As Honourable Members are aware, last year marked a historic and unforgettable moment in the annals of our history. In that year the New Economic Policy was formulated and became the basis of the Second Malaysia Plan, which had been approved by this Parliament. The programmes of the second Malaysian Plan are design primarily towards attaining national unity. The Plan embodies the aspirations of the people and contains guidelines to ensure the proper direction of the destiny of the Nation.*

*In the years ahead, the emergence of a common value system is imperative which will serve as the guiding precepts for our multi-racial society as enshrined in the Rukunegara.*

*The New Economic Policy was formulated as a result of the Government's determination to bring about national unity through re-structuring of our society and the eradication of poverty among the people irrespective of race. My Government has already resolved that within a period of 20 years, the Malays and other indigenous people will participate in at least 30% of the total commercial and industrial activities in all categories and levels of operation. It is My Government's ultimate objective to create a united Malaysian society wherein race will no longer be identified with a man's occupation or where he resides.*

*The policy of OUR Government is to strive for the creation of an industrial and commercial class among the Malays and other indigenous people constituting a step in the re-structuring of our society. Efforts towards achieving this objective include the provision of more opportunities in these fields through the dispersal of industries to the rural areas and the provision of urban facilities in these areas. We hope that through these efforts, a new set of values will emerge which will facilitate to redress the economic imbalance that exists among the people of this country.*

*Efforts to modernise the rural sector are essential steps in the eradication of poverty among the people and the re-structuring of our society. These objectives can only be achieved through an increase in the application of science and technology to rural industries so as to uplift the economic position of the rural people. This process will not only result in an increase in the production of new agricultural products and the adoption of modern methods of farming, but will also foster the expansion of the range of manufacturing and commercial activities in the rural areas.*

*In concert with our attempts to re-structure society and the modernisation of the rural sector, OUR Government is also undertaking urban development as well as urban renewal programmes. These programmes which include the construction of housing schemes, the clearance of slum areas and illegal squatters, the establishment and development of commercial and industrial areas, will lay special emphasis on the full participation of all races in urban activities with the objective of creating a truly Malaysian nation subscribing to and practising the principles of the Rukunegara.*

*Another strategy taken by OUR Government in its efforts to create national solidarity is to rectify, as far as possible, regional economic imbalance in the country. OUR Government has initiated area development programmes with a view to developing hitherto undeveloped areas and thus spread economic development throughout the country. OUR Government hopes that with the launching of the mammoth development projects such as are found in Johore, Pahang, Kelantan, Trengganu and Sarawak will result in the re-distribution of the national income and a more just and equitable distribution of wealth. It is OUR hope that OUR subjects will respond to this challenge, and in doing so, obtain a better and higher standard of living.*

*OUR Government has also formulated an agricultural and fisheries policy wherein all efforts are geared towards achieving greater productivity and better prices so as to ensure a fairer net income for our farmers and fishermen. It is OUR hope that farmers and fishermen will respond to the Government's efforts and unite to support wholeheartedly such institutions as farmers' associations, fishermen's associations, co-operative societies and other similar organisations which are responsible for agricultural and fisheries development.*

*One of the ways towards achieving national unity is by providing equal opportunities to all those who are less fortunate, be it in the fields of education, employment, housing or health. Education is the primary vehicle through which the people may enjoy the fruits of freedom, justice and all the other bountiful things of life. With education, the people can better avail themselves of the opportunities provided for them. OUR Government is devoting all its efforts to overcome the numerous obstacles in the development of education for all those who are less fortunate. The implementation of the policy to make Bahasa Malaysia as the sole medium of instruction at all levels in schools is progressing satisfactorily and will be pursued vigorously.*

*With the progress already achieved thus far in the field of education, and with the increase in the number of suitably qualified youths, there is an ever-increasing pressure to widen the opportunities for higher education at the university and college level. With the establishment of the Agricultural University and the upgrading of the Technical College to university status, renamed as the National Institute of Technology, we now have five universities. Thus, more places and opportunities are available for higher education, and consequently, an increase in the output of trained manpower. At the same time, to enable us to keep abreast with the rapid progress in the fields of science and technology, OUR Government will continue to lay emphasis in these fields at all levels of education. OUR Government will continue to promote and direct research in specified areas which will be used as a basis for our economic and social development.*

*The Sixties that we have left and the Seventies that we are now going through are periods of development with the objective of uplifting the economic and social status of all our people. The programmes that we have outlined and the objectives that we set will not be attainable if the people are not responsive. Every citizen has his own role to play and the success of the development programmes rests on the joint efforts of the people. WE believe that, with the success of our development plan, this country will enter into a new era of happiness, peace, prosperity and unity. Finally, WE exhort OUR beloved subjects to practise the principles of the Rukunegara in the interests of national unity and stability of the country.*

## MEMPERKENANKAN RANG UNDANG<sup>2</sup>

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, ada-lah di-ma'alumkan ia-itu saya telah menerima Perutusan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, memperkenalkan Akta<sup>2</sup> yang telah di-luluskan oleh Dewan Parlimen dalam Meshuarat Yang Ketiga Penggal yang lalu. Akta<sup>2</sup> itu ia-lah:

- (1) Akta Kumpulanwang di-Satukan (Perbelanjaan Masok Akaun), 1972;
- (2) Akta Bandaraya Kuala Lumpur, 1972;
- (3) Akta Perbekalan Tambahan (1970 dan 1971), 1972;
- (4) Akta Perbadanan Kemajuan Pelan-chongan Malaysia, 1972;
- (5) Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan) (No. 2) (Pindaan), 1972;
- (6) Akta Pelajaran (Pindaan), 1972;
- (7) Akta Perbekalan, 1972;
- (8) Akta (Perbadanan) Lembaga Kema-juan Perusahaan Persekutuan (Pin-daan), 1972;
- (9) Akta Pilehanraya (Pindaan), 1972;
- (10) Akta Pinjaman (Tempatan) (Pindaan), 1972;
- (11) Akta Chukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2), 1972;
- (12) Akta Jaminan Pinjaman, 1972;
- (13) Akta Chukai Pendapatan (Pindaan), 1972;
- (14) Akta Chukai Perjudian, 1972;
- (15) Akta Chukai Jualan, 1972;
- (16) Akta Penchen Balu dan Anak Yatim (Pindaan), 1972;
- (17) Akta Timbang dan Sukat, 1972;
- (18) Akta Bidan (Pindaan), 1972;
- (19) Akta Sakit Otak (Pindaan), 1972;
- (20) Akta Dadah Berbahaya (Pindaan), 1972;
- (21) Akta (Perbadanan) St. John Ambulan Malaysia, 1972;
- (22) Akta Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan), 1972;
- (23) Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilek Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan), 1972;
- (24) Akta Haiwan (Pindaan), 1972;
- (25) Akta Pehak-berkuasa Kemajuan Per-tanian Muda, 1972;
- (26) Akta Pehak-berkuasa Kemajuan Per-tanian Kemubu, 1972;
- (27) Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara, 1972;
- (28) Akta Persatuan Peladang (Pindaan), 1972;
- (29) Akta Persatuan Nelayan (Pindaan), 1972;
- (30) Akta Perlindungan Hidupan Liar, 1972;
- (31) Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan (Pindaan), 1972;
- (32) Akta (Pindaan) Pertubohan, 1972;
- (33) Akta Talikom (Pindaan), 1972;
- (34) Akta Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang (Pindaan), 1972;
- (35) Akta Lembaga Pelabohan (Pindaan), 1972;
- (36) Akta Lalulintas Jalan (Pindaan), 1972;
- (37) Akta (Sekatan) Kerja (Pindaan), 1972;
- (38) Akta Majlis Amanah Ra'ayat (Pin-daan), 1972;

terima kasih kepada Kebawah Duli kerana Titah Uchapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua, Parlimen Yang Ketiga."

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bertuah dan berbangga kerana di-beri kesempatan untuk menhadangkan usul yang tersebut sebentar tadi di-dalam Dewan yang mulia ini sungguh pun saya sedar, ada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang lebeh kanan dan dewasa daripada saya. Walau bagaimana pun, saya bersyukur ka-hadzrat Illahi dan berterima kasih kerana saya di-beri peluang keemasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh tertarek hati atas Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung yang meliputi hampir semua aspek yang penting bagi negara kita yang dikasehi ini. Sudah tentu perkara yang menjadi harapan besar kepada semua warga-negara buat masa sekarang ini ia-lah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang menjadi asas Rancangan Malaysia Kedua yang telah pun di-terima oleh hampir semua golongan ra'ayat. Perkara pokok di-bawah dasar Ekonomi Baru tidak lagi menjadi soal yang hebat. Apa yang selalu di-tanya oleh ra'ayat ia-lah pelaksanaan dasar itu. Bagaimanakah jentera yang mengendalikan Dasar Ekonomi Baharu, ada-kah bergerak dengan lincin atau sa-balek-nya. Tidak-lah boleh di-nantikan bahawa masih ada lagi gulungan kechil penduduk di-negeri ini yang tidak senang hati sa-kira-nya Dasar Ekonomi Baru dapat di-laksanakan dengan sa-penoh<sup>2</sup>-nya. Mereka ini termasuk orang yang sekian lama ini, semenjak zaman penjajahan dahulu telah mendapat kedudukan istimewa dalam bidang perniagaan, pengeluaran hasil utama negara termasuk bijeh dan getah. Mereka<sup>2</sup> ini masih lagi hendak mengekalkan kedudukan yang istimewa itu dengan tidak menghirau aspirasi ra'ayat jelata. Mereka masih enggan mengenali chita<sup>2</sup> ra'ayat untuk menekmati kekayaan dan hasil bumi negara sendiri.

Kapada mereka itu, saya suka membuat seruan. Jenarasi muda di-negara kita yang begitu ramai sudah chelek. Mereka telah di-beri kesempatan berfikir. Mereka sedar hak<sup>2</sup> yang sah bagi mereka dan keturunan mereka. Mereka idamkan pemerintah yang sah mengikut Perlembagaan, tetapi mereka tidak rela di-perbodoh<sup>2</sup>kan.

Bidang kerjasama untuk menjaminakan supaya hasrat dasar ekonomi baharu ini sangat-lah luas. Saya membuat seruan kepada mereka yang masih lagi waswas terhadap dasar ekonomi baharu ini supaya chelekan mata, pandangkan mata kepada "writing on the wall". Beri-lah sokongan dan kerjasama dengan sa-penoh<sup>2</sup>-nya terhadap kejayaan dasar ekonomi baharu ini.

Ra'ayat Malaysia yang kini ketinggalan bukan hendak merampas, bukan hendak memaksa, tetapi hendakkan ko-operasi hendakkan mufakat, hendakkan apa yang sah dan adil bagi-nya di-negara-nya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sambil saya berchakap berkenaan dengan pelaksanaan dasar ekonomi baharu, saya suka menyentoh sekali lagi berkenaan dengan jentera yang mengawasi pelaksanaan dasar ekonomi baharu. Satu unit menilai atau Evaluation Unit telah pun di-tubuhkan di-bawah Jabatan Perdana Menteri. Dan saya tahu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri memandang berat tentang pelaksanaan dasar ekonomi baharu dengan mendengar dan melihat sendiri kegiatan dan kesulitan<sup>2</sup> yang di-tempoh. Problem yang hendak di-atasi sa-masa melaksanakan berbagai<sup>2</sup> projek di-bawah Rancangan Malaysia Kedua ini sangat-lah banyak dan kadang<sup>2</sup> Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terpaksa membuat keputusan mu'tamad dengan serta-merta, atau on the spot. Sudah tentu bagi membolehkan beliau membuat sa-suatu keputusan, beliau di-beri data<sup>2</sup> dan penerangan<sup>2</sup> lengkap dan tepat dan data<sup>2</sup> dan keterangan<sup>2</sup> itu mesti-lah boleh di-perolehi dengan serta-merta. Di-bidang ini, saya kkuatir sama ada Evaluation Unit itu sudah di-lengkapkan dengan alat<sup>2</sup> yang membolehkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mendapat serta-merta data<sup>2</sup>, keterangan<sup>2</sup> atau pun projekshen<sup>2</sup> yang perlu bagi-nya sa-belum beliau membuat sa-suatu keputusan. Sudah tentu keputusan yang hendak di-buat-nya tidak sempurna jika data<sup>2</sup> atau keterangan atau projekshen itu tidak up to date, kalau alat<sup>2</sup> di-Evaluation Unit itu belum lagi lengkap. Saya harap perkara ini dapat pandangan Kerajaan kerana membuat penilaian pelaksanaan projek sangat-lah penting.

Sa-masa membahathkan Rancangan Malaysia Kedua di-Dewan yang mulia ini tahun lalu, saya ada menyebutkan supaya Evaluation Unit itu patut di-lengkapkan dengan alat<sup>2</sup> computer yang boleh membantu kerja<sup>2</sup> nilai. Computer sudah menjadi satu alat moden bagi pejabat dan tidak boleh tidak sa-kira-nya kita hendakkan keterangan<sup>2</sup> atau data<sup>2</sup> dengan chepat. Dengan dapat-nya keterangan<sup>2</sup> atau data<sup>2</sup> dengan chepat, maka projekshen atau keputusan boleh di-buat dengan serta merta umpamanya projekshen untuk mengetahui berapakah harga getah bagi 10 tahun ka-hadapan boleh di-buat sekarang dan langkah<sup>2</sup> tertentu boleh di-buat dan di-sediakan untuk mengatasi kesukaran<sup>2</sup> yang nyata.

Sa-kali lagi saya menyeru supaya Kerajaan memandang berat bagaimana computer boleh membantu Kerajaan membuat nilai yang sangat perlu bagi menjayakan Rancangan Malaysia Kedua. Saya tahu ada banyak computer di-Pejabat<sup>2</sup> Kerajaan dan institusi<sup>2</sup> yang lain yang tidak di-gunakan sa-penohnya atau under-utilised dan perkara ini patut-lah di-ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat kita semua ada-lah menjayakan sa-penoh<sup>2</sup>-nya projek<sup>2</sup> yang telah di-luluskan di-bawah Rancangan Malaysia Kedua. Apa juga alat<sup>2</sup> yang kita perlu, yang perlu di-gunakan untuk menjayakan projek ini kita mesti gunakan. Sadikit atau sa-banyak kejayaan atau kegagalan projek di-bawah Rancangan Malaysia Kedua ada-lah di-bawah tangan Evaluation Unit ini. Dan oleh itu perlu-lah Unit ini bergerak dengan lancar "in top gear."

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh<sup>2</sup> ter-tarek hati dan bershukor atas Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa Kerajaan sekarang sedang menimbangkan ka-dalam soal perundangan bank.

Institusi bank ia-lah satu perkara yang ta' dapat boleh di-pisahkan daripada dunia perniagaan dan perindustrian dan apa juga aktiviti ekonomi. Siapa yang boleh berkuasa dalam institusi bank ini mempunyai lebeh peluang bagi menentukan sama ada untung atau rugi, jaya atau gagal-nya sa-suatu venture yang memerlukan kewangan atau modal. Mari-lah kita bersama<sup>2</sup> bershukor atas kesedaran Bank Negara yang telah di-tugaskan oleh Undang<sup>2</sup> bagi mengawasi perjalanan

bank di-negara kita, bahawa ada kelemahan<sup>2</sup> atau loop-hole dalam undang<sup>2</sup> bank yang ada sekarang ini. Salah satu tugas Bank Negara ia-lah menjadi penasihat kewangan kepada Kerajaan dan ada-lah di-harapkan pehak Bank Negara sentiasa berada sa-tapak di-hadapan atau one step ahead—bank perdagangan atau institusi kewangan yang lain. Jangan-lah hendak-nya Bank Negara memainkan peranan yang lemah atau diperbudak<sup>2</sup>kan oleh kuasa<sup>2</sup> luar.

Satu perkara yang menjadi tanda-tanya baharu<sup>2</sup> ini ia-lah berkenaan dengan kebenaran yang di-beri kepada sa-buah bank saudagar atau merchant bank bergerak di-negara kita. Memang institusi bank saudagar sa-macam ini ada menafa'at-nya, ada baik-nya. Tetapi yang menjadi tanda-tanya ia-lah ada-kah undang<sup>2</sup> sekarang menchukupi untuk mengawal semua kegiatan yang di-jalankan oleh institusi sa-macam itu. Bagaimana-kah umpama-nya pengendalian dari segi menerima simpanan atau deposit? Ada-kah di-beri kebebasan saperti bank perdagangan yang lain? Kedudukan-nya sabagai issuing house atau underwriter? Banyak lagi perkara yang samar<sup>2</sup> dan mesti dapat tafsiran yang terang dari segi perundangan bank.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ada bersangkutan dengan aktiviti<sup>2</sup> bank, terutama sa-kali bank asing yang mempunyai ibu pejabat-nya bukan di-negara kita ia-lah berkenaan dengan pelaburan modal. Apa-kah kawalan yang di-buat bagi menentukan bahawa modal<sup>2</sup> asing itu sa-benar-nya modal yang di-bawa dari luar dan bukan-nya modal atau pinjaman yang di-perolehi menerusi bank atau institusi kewangan di-dalam negara kita? Memang kita galakkan pelaburan dari luar negeri, tetapi biar-lah betul<sup>2</sup> wang itu dari luar, bukan-nya wang di-negeri ini juga yang di-gunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berasa gembira bahawa Kerajaan akan mengadakan undang<sup>2</sup> tidak berapa lama lagi untuk memastikan Pasaran Saham Malaysia dapat berjalan dengan baik dan dapat menjaga kepentingan penanam<sup>2</sup> modal dan orang<sup>2</sup> awam. Ini ada-lah satu langkah yang di-tunggu.<sup>2</sup> Kedudukan Pasaran Saham yang ada sekarang ini tidak memuaskan. Sekarang kita mempunyai Pasaran Saham bersama dengan Republik Singapura. Kita memang suka bekerjasama bukan sahaja dengan

negara Singapura bahkan dengan negara apa pun asalkan kita bersama<sup>2</sup> menikmati keuntongan daripada pakatan bersama. Janganlah menjadi jalan sa-hala atau one-way-traffic sahaja.

Saya perhati, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sa-belum sa-buah sharikat awam yang terdaftar di-negeri ini di-benar di-sebut atau quoted di-Pasaran Saham Malaysia/Singapura, pehak Kerajaan kita menyelideki dengan bagitu teliti sharikat itu sama ada terator dan mengikut garis<sup>2</sup> tertentu. Jikalau sharikat itu tidak memenohi syarat<sup>2</sup> dan tidak mengikut jalan yang terator maka Kerajaan kita tidak membenarkan sharikat itu di-sebutkan di-Pasaran Saham Malaysia/Singapura. Tetapi kita tidak boleh mengawal kedudukan sharikat<sup>2</sup> yang di-daftar di-luar daripada negara kita. Kita terpaksa menyelideki sharikat<sup>2</sup> yang hendak di-sebutkan demikian kerana ini mustahak bukan sahaja menjaga nama baik negara kita tetapi juga menjaga keselamatan penanam<sup>2</sup> modal dan orang<sup>2</sup> awam supaya mereka tidak tertipu. Kalau kita memandang kepada detik<sup>2</sup> aktiviti Pasaran Saham Bersama Malaysia/Singapura, kita dapati ada juga sharikat<sup>2</sup> yang bukan di-daftar di-negeri ini tetapi telah di-sebut dalam Pasaran Saham Bersama itu telah gagal dan merugikan penanam<sup>2</sup> modal. Untok menjaga nama baik kita, untok senang mengawal hak kita ada baik-nya kalau Kerajaan menimbang dengan sa-halus<sup>2</sup>-nya sama ada masa-nya sudah sampai atau tidak bagi kita mengendalikan Pasaran Saham Malaysia sahaja. Di-samping itu perhatian hendak-lah juga di-beri untok membolehkan sharikat<sup>2</sup> awam yang khusus di-mileki oleh bumiputra dapat di-sebutkan di-pasaran saham.

Tuan Yang di-Pertua, sa-masa berchakap dalam perkara aktiviti ekonomi, saya suka menyentoh kedudukan insuran. Ini ada-lah satu jurusan baharu yang kaum bumiputra chuba mencheborkan diri. Malaysia National Insuran Berhad anak sharikat kepada Perbadanan National Berhad atau PERNAS yang di-modali 100 peratus oleh Kerajaan atau Badan<sup>2</sup> Kerajaan nampak-nya tidak mendapat sokongan daripada Badan<sup>2</sup> Kerajaan yang lain dari segi pengambilan insuran-nya. Umpama-nya Sistem Penerbangan Malaysia Berhad atau MAS dan juga Malaysia International Shipping Company Berhad tidak mengambil insuran-nya menerusi atau pun daripada Malaysia

National Insuran. Ini agak-nya luar biasa, sa-patut-nya Badan<sup>2</sup> Kerajaan-lah yang membantu satu Badan Kerajaan yang lain yang sa-mesti-nya di-sokong oleh Kerajaan! Saya tidak tahu apa-kah muslihat yang menyebabkan tangan kanan tidak mau membantu tangan kiri. Boleh jadi sa-paroh daripada sa-paroh Badan<sup>2</sup> itu tidak mempunyai jiwa kebangsaan. Boleh jadi juga alasan yang di-beri oleh Kerajaan People's Republic of China bila mereka enggan mengguna kapal Malaysia International Shipping Company ada berasas kerana lebeh daripada sa-paroh modal yang di-bayar bukan di-punyai oleh warganegara Malaysia. Tetapi yang aneh-nya ia-lah Malaysia International Shipping Company ini mengelarkan diri-nya sa-bagai National Carrier. Ada-kah ini chara<sup>2</sup> yang betul bagi kita menghasilkan hasrat di-bawah Rancangan Malaysia Kedua?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sangat<sup>2</sup> tertarek hati atas ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bila Baginda menyentoh keadaan tidak sa-imbang dalam structure pekerjaan dalam negara kita. Perkara ini sudah sering di-sebut betapa mustahak-nya bahawa semua gulungan pekerjaan buroh, executive, managerial, professional mesti-lah mencherminkan kedudukan ra'ayat yang berbilang keturunan yang ada di-sini dan sa-lagi itu belum terchapai maka sukar-lah bagi kita hendak mewujudkan satu bangsa yang bersatu padu terdiri daripada berbagai<sup>2</sup> kaum atau keturunan. Sa-kira-nya Kerajaan tidak dapat hendak melaksanakan chita<sup>2</sup> ini menerusi rayuan atau pujokan, jangan-lah Kerajaan gentar<sup>2</sup> mengadakan undang<sup>2</sup> bagi menguatkuasakannya. Negara kita ini sudah masok ka-arena perindasterian sunggoh pun buat masa ini sa-chara kechil<sup>2</sup>. Pada suatu masa yang tidak berapa lama lagi kita akan mara ka-perengkat besar<sup>2</sup>an, apabila kita sampai ka-perengkat itu kita tidak mau yang indasteri kita gagal oleh sebab pertelingkahan di-antara pekerja<sup>2</sup> dan majikan. Sa-lama ini kita mengikut tauladan yang di-pusakakan oleh British dahulu. Undang<sup>2</sup> pekerjaan dan Undang<sup>2</sup> Buroh dan Undang<sup>2</sup> Kesatuan Sekerja memang berbahu kolonialisma. Mungkin itu sesuai buat sementara waktu. Saya sedeh memandang kedudukan Pekerja/Majikan di-Britain sendiri di-waktu ini. Tidak berhenti dengan mogok, tidak berhenti dengan go-slow. Ini bukan-lah tanda baik,

Malaysian firms from demanding the same benefit recommended for their Singapore counterparts.

Sir, I also wish to draw the attention of the Government, especially the State Governments, on the increasing number of our young men and women who have migrated to Singapore in search of jobs. In States especially like Johore some of the villages have been seriously depleted of their young men and women. This should cause the Government some concern. While the short-term effect would be to ease the unemployment situation in these States, the long-term effect is highly undesirable. It means a loss of valuable man-power, young and able-bodied men, to Singapore. It disrupts the social and cultural stability of the villages. We cannot stop this drift from Johore to Singapore; the only way we can do is to step up industrialisation in the State. The villagers who migrate to Singapore, Sir, go there at their own risk. They are not citizens of the State and they do not enjoy the benefit which are normally enjoyed by workers who are citizens of Singapore. They do not benefit from the E.P.F. and they are not covered by the industrial legislation which protects Singapore citizens from exploitation and victimisation by employers.

I also feel, Sir, that a matter of some concern of late is the incidence of strikes in this country. The Industrial Court seems to be taking too long to hear cases. This has resulted in hardship for many workers. The process of referring cases to the Industrial Court should be speeded up so that difficulties for employers and employees could be minimised. I am glad, Sir, that last week a delegation of the M.T.U.C. met and discussed matters affecting labour with the Deputy Prime Minister. One immediate result seems to be the recognition of May Day as a public holiday. It is high time labour is recognised as a very important group among our citizens whose contribution to the nation's economy and political stability compares favourably with other groups which make up our society, and I feel there should be close relationship between labour and Government so that issues affecting labour interests could be discussed and resolved in the national interest.

Tuan Yang di-Pertua, itu-lah sahaja yang saya ingin menyampaikan dalam Dewan ini

sa-bagai menyokong usul yang di-bawa oleh rakan saya, Enche' Kamarul Ariffin menyampaikan Titah Uchapan Terima Kaseh di-atas Titah Uchapan Kebawah Duli yang telah di-sampaikan dalam Dewan Ra'ayat baharu<sup>2</sup> ini. Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Uchapan Terima Kaseh di-atas Titah Uchapan yang telah di-buat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya berlainan sedikit hujjah<sup>2</sup> saya tentang isi dan kandungan yang terselit di-dalam ucapan ini.

Yang pertama berkenaan dengan Ekonomi Baru, saya bersetuju bahawa tidak ada siapa pun yang ingin melihat negara ini maju tetapi di-samping keinginan itu, ia tidak mahu kepada satu susunan ekonomi, sama ada yang baru atau pun tidak. Erti-nya, kita mesti-lah ada satu Dasar Ekonomi. Tetapi hendak mengkaitkan Dasar Ekonomi Baru ini dengan matlamat mencari perpaduan dan mengadakan satu masyarakat yang bersatu-padu, ini amat-lah susah pada pendapat saya oleh kerana masalah ekonomi bukan masalah perpaduan. Masyarakat manusia susah hendak di-padukan dengan keuntungan ekonomi sekira-nya beberapa sektor di-dalam satu<sup>2</sup> masyarakat berlainan pendapat, berlainan tujuan dan berlainan kepentingan, kemudian di-chuba supaya mereka itu bersatu, di-kayakan yang miskin, dan kalau yang kaya itu di-rendahkan sedikit supaya sama, dengan harapan kita mendapat satu masyarakat yang sama, tetapi bagi saya perbezaan (differences) yang berlaku tadi tidak dapat di-atasi, sebab manusia tidak boleh di-beli dengan keuntungan ekonomi.

Ini bererti, Tuan Yang di-Pertua, bukan saya menapikan bahawa faktor ekonomi ini boleh menolong mencapai perpaduan tetapi yang saya maksudkan ia-lah saya tidak nampak kalau usaha<sup>2</sup> itu di-dasarkan di-atas ekonomi sahaja. Mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, kita berhadang dengan Dasar Ekonomi Baru ini dalam tempoh 20 tahun hendak mencapai satu penglibatan sekurang<sup>2</sup>-nya 30% daripada segala aktiviti ekonomi bagi bumiputra dan orang Melayu. Apa-kah sa-belum sampai 20 tahun dan sa-belum kita tercapai 30% penglibatan bumiputra orang Melayu itu maka keharmonian dan perpaduan ini tidak dapat

kita chapaikan atau pun kita tunggu supaya jangnan berpadu hingga sampai kepada masa yang 20 tahun. Dan kalau ini berlaku, saya rasa, berlain-lah saya dengan orang yang membuat Dasar Ekonomi ini, tetapi masalah-nya, Tuan Yang di-Pertua, susah kita hendak mengatakan kerana Dasar Ekonomi Baru ini di-fikirkan di-masa yang kita tidak ada Parlimen.

Kemudian di-salorkan kepada Parlimen dan Parlimen kita pun adopt dengan tidak bagitu faham. Saya memandang kepada ucapan<sup>2</sup> yang pernah di-buat dalam Dewan ini dan bagitu juga di-dalam Dewan Ra'ayat, saya dapati, Tuan Yang di-Pertua, sa-olah<sup>2</sup> kedua Dewan kita ini terutama orang yang berchakap bukan Ahli<sup>2</sup> Kabinet Kerajaan sendiri, sa-olah<sup>2</sup> kita belum tahu lagi apa yang di-katakan ekonomi baharu ini. Artinya belum luas kita memahaminya. Sebab itu-lah kita tidak dapat satu gambaran yang lengkap. Apa yang ada-nya ia-lah dalam tempoh 20 tahun kita hendak chapai penglibatan 30% segala economi, aktiviti untuk orang Melayu dan orang<sup>2</sup> bumiputra. Tetapi dalam ekonomi bebas, Tuan Yang di-Pertua, apa-kah dalam masa 20 tahun itu orang<sup>2</sup> yang kita pandang well to do, dan kita memandang orang itu yang berada, kita harapkan dia 20 tahun lagi kena turun-kah atau pun arti-nya dia statik, jangan pergi ka-mana. Sebab yang miskin di-bawah pula hendak buru hingga 30% dan kalau ini notion atau pun chara attitude kita memandang terhadap ekonomi, saya rasa ini bukan satu kemajuan, tetapi ini satu penchengkaman terhadap kemajuan berfikir dan terhadap kemajuan kebebasan berekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira dasar ekonomi dengan tempoh 20 tahun untuk menchapai 30% penglibatan oleh orang<sup>2</sup> Melayu dan bumiputra dengan maksud supaya matlamat ini menjadi satu daripada unsur atau faktor bagi menchapai perpaduan ada-lah sangat<sup>2</sup> silap. Dan kalau kita umur panjang, kita ta' payah tunggu 20 tahun lagi. Barangkali masa belanjawan tahun hadapan pun kita akan dapat lihat perkara yang tidak di-ingini. Gejala<sup>2</sup>-nya sudah ada, Tuan Yang di-Pertua. Getah turun, gula naik, akibat chukai jualan, yang kesemua-nya ini bukan sahaja kita pandang dari segi mendapatkan kewangan bagi negara kita, tetapi juga ada memberi pengaruh kepada kedudukan ekonomi di-negeri kita ini, bukan sahaja kedudukan naik turun ekonomi luar

negeri menekan ekonomi kita, tetapi peneanan dari dalam pun menjadi satu masaalah juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan-lah sa-orang ahli dalam ekonomi. Dan tentu-lah terlalu awal bagi kita hendak meramalkan sa-suatu perkara, tetapi itu tidak bererti bahawa kita di-dalam Dewan ini tidak berhak berchakap atau pun tidak dapat menegor Kerajaan di-dalam membuat satu<sup>2</sup> matlamat. Angka tahun tidak penting; hendak chapai berapa peratus juga tidak penting. Yang penting ia-lah projek<sup>2</sup> atau usaha<sup>2</sup> yang boleh di-beri kepada ra'ayat, itu-lah jawapan yang paling tepat sa-kali, bukan masaalah meletakkan tahun dan target. Kadang<sup>2</sup> dia meletakkan tahun dan target 30%, dengan tidak di-support dan tidak diikuti dengan projek<sup>2</sup> atau pun dengan usaha<sup>2</sup>, maka matlamat itu tidak akan terchapai.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, dapat kita lihat berkenaan dengan pertanian dan perikanan. Ini mengikut data<sup>2</sup> yang tidak rasmi yang pernah saya bacha, kita tidak dapat membuat banyak perubahan di-dalam masaalah pertanian dan perikanan. Erti-nya kita tidak dapat mengemukakan satu modernization, satu chara berfikir baharu di-dalam perikanan dan pertanian. Saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat memberi angka<sup>2</sup> satu persatu sa-bagai angka statistik, tetapi dalam angka<sup>2</sup> yang pernah kita bacha melalui laporan<sup>2</sup> Kerajaan dan akhbar<sup>2</sup> dan ulasan<sup>2</sup> majallah, yang kita dapati dan beberapa jawapan di-dalam Parlimen, kita dapati pertanian dan perikanan ini tidak dapat penyusunan yang sa-elok<sup>2</sup>-nya. Dan nasib nelayan<sup>2</sup> dan petani<sup>2</sup> kelas yang berkenaan itu tidak akan terbela dan dengan demikian satu bahagian daripada masharakat yang di-chadangkan supaya merupakan masharakat yang berpadu tidak akan terchapai.

Bagitu-lah juga, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pelajaran. Di-bidang pelajaran, pada tiap<sup>2</sup> tahun kira<sup>2</sup> 150 ribu murid<sup>2</sup> yang meninggalkan sekolah (school-leavers) dan mereka itu bila tidak ada kerja, tentu-lah kita mengatakan mereka itu menghadapi zaman penganggoran. Dan baharu sa-bentar tadi Ahli Yang Berhormat yang berchakap sa-belum daripada saya pun ada membayangkan bahawa ini ada-lah satu masaalah bagi negara kita. Tuan Yang di-Pertua,

saya maseh ingat beberapa tahun dahulu negara kita mementingkan pelajaran ini sebagai pelajaran sa-mata<sup>2</sup>, tetapi tidak mementingkan pelajaran untuk masharakat. Apa yang saya maksudkan ia-lah sekolah<sup>2</sup> kita maseh merupakan "grammar school" atau pun tidak merupakan sekolah vocational atau pun professional. Ini ada-lah satu attitude atau pun satu falsafah atau pun satu pandangan dalam 'alam pendidekan yang tidak menguntongkan kita. Bagi saya, dari segi ilmu pengetahuan dan pendidekan itu sendiri tidak ada apa salah-nya. Tetapi yang patut di-apa<sup>2</sup>kan di-dalam masalah ini ada-lah manusia<sup>2</sup> dalam masharakat kita ini yang mendapat pelajaran sa-patut-nya mendapat pelajaran untuk mengisi hajat masharakat kita, bukan untuk mendapat sijil<sup>2</sup> yang tinggi dan kemudian hendak dipasang di-dalam masharakat tidak kena pada tempat-nya.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada siapa yang menafikan screw yang daripada emas itu mahal harga-nya, tetapi tidak ada siapa pula boleh mengaku<sup>2</sup> bahawa screw yang di-buat daripada emas itu berguna untuk dipasang kepada basikal. Bererti kita membuat screw untuk basikal mesti-lah daripada besi yang sesuai, bukan daripada emas, walau pun emas itu baik. Bagini-lah juga education atau pun pendidekan di-dalam negara kita yang tidak di-tujukan kepada masharakat, hajat masharakat kita. Pada akhir<sup>2</sup> sa-lepas 13 Mei, 1969 itu sahaja-lah maka chara<sup>2</sup> berfikir kita sudah mula sedar terhadap kehendak<sup>2</sup> ini. Ini telah terbukti dengan Maktab Teknik sudah di-naikkan kepada taraf universiti. Sedang maktab itu sekarang ini maktab yang lama itu juga, yang di-gunakan pada masa dahulu-nya. Kalau alasan kita pada masa dahulu pegawai<sup>2</sup> kita tidak chukup, atau pensharah<sup>2</sup> tidak chukup, facilities tidak chukup, maka itu-lah bukti menunjukkan bahawa kita pada masa itu tidak memikirkan keadaan saperti yang kita telah fikirkan sekarang ini. Itu sadikit chontoh daripada yang banyak yang ta'kan saya sebutkan semua-nya.

Ada dua perkara dalam masalah pendidekan, Tuan Yang di-Pertua, yang saya terpaksa mencheritakan dengan sa-berapa rengkas-nya. Yang pertama, tidak ada satu polisi berkenaan dengan didikan akhlak. Saya tidak faham ada-kah Kerajaan me-

masukkan pelajaran akhlak ini di-dalam mana<sup>2</sup> curriculum, tetapi sa-takat yang saya siasat saya tidak dapati.

Kemudian daripada itu, saya sebutkan masaalah akhlak, ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja dari segi Ugama Islam atau Ugama mana<sup>2</sup>, tetapi yang saya maksudkan ia-lah ethic ia-itu akhlak bagi masharakat kita. Ini tidak ada dan kalau ada pun di-masokkan dalam pelajaran Ugama. Islam-nya dengan Ugama Islam-nya, Christian-nya dengan Ugama Christian-nya tetapi dia tidak merupakan national tidak merupakan akhlak bagi masharakat kita. Amat-lah membimbangkan kita, Tuan Yang di-Pertua, kalau satu<sup>2</sup> masharakat itu lebeh maju di-dalam bidang teknologi tetapi mundor dalam bidang akhlak. Hanya masharakat kita akan tersusun daripada manusia<sup>2</sup> yang pandai membuat alat, pandai bergaduh, pandai beradu kuat tetapi kurang perikemanusiaan. Ini-lah yang saya maksudkan dengan pendidekan akhlak. Ini ternyata, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam penyata Jawatan-kuasa Peranchang Pelajaran Tinggi bagi Malaysia ini. Tidak ada di-sebut langsung walau sa-patah sa-kali pun, tidak ugama-nya, tidak akhlak-nya. Jadi kalau yang rendah tidak di-buat, yang tinggi langsung tidak di-sebut, saya tidak tahu-lah bagaimana saya hendak menyokong penoh saudara saya Senator Kamarul Ariffin supaya saya, sa-lain daripada menyatakan terima kaseh, hendak menyokong ucapan itu, saya rasa terpaksa-lah kita kena fikir lagi sa-kali. Saya mencha-dangkan supaya Kerajaan bukan sahaja membuat tetapi menjawab seruan ra'ayat ia-itu ra'ayat kita mahu sa-buah Universiti Islam. Kalau di-waktu ra'ayat mahukan sa-buah Universiti Kebangsaan banyak orang menyangka perkara itu mustahil tetapi sekarang ini sudah menjadi kenyataan. Saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, sa-buah Universiti Islam sesuai dengan Ugama Islam Ugama Rasmi kalau kita tubuhkan, kalau kita lan-charkan projek ini akan menjadi kenyataan juga saperti mana Universiti Kebangsaan telah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa-lah menerangkan bahawa saya bukan sa-orang yang fanatik berkenaan dengan ugama. Bila saya sebut Universiti Islam, bukan saya ber-ma'ana oleh kerana saya sa-orang Muslim maka saya mahu sa-buah Universiti Islam. Sebab Universiti Islam ini di-dalam-nya boleh di-ajar ilmu Christian. Mungkin orang

heran saya sa-orang Muslim dan pula sentimen politik. Itu mengatakan kamu daripada Parti Islam di-dalam Universiti Islam pula hendak mengajar ilmu Christian. Tetapi saya terpaksa menerangkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam Universiti Islam ini boleh di-ajar perkara<sup>2</sup> 'aktikad atau pun dogmatic yang tidak ada kena mengena, yang tidak sangkut paut dengan satu<sup>2</sup> umat. Ini telah pun terbukti di-sejarah negara Spain di-mana Universiti Kordoga dan Universiti Kornata mengadakan pelajaran<sup>2</sup> dan orang<sup>2</sup> yang bukan Islam pun datang belajar di-situ. Ini amat-lah mustahak bukan sahaja dari segi Ugama Islam tetapi ada dua faktor yang penting.

Yang pertama, ugama Islam di-negara ini Ugama Rasmi.

Yang kedua, banyak orang<sup>2</sup> Islam di-negeri ini.

Yang ketiga barangkali dapat di-tafsirkan bahawa tiap<sup>2</sup> negeri yang beraja kebudayaan-nya tentu-lah kebudayaan Islam. Jikalau kita tidak membuat sa-buah Universiti Islam maka masyarakat kita tidak dapat faham di-mana baik-nya Islam dan di-mana patut-nya Islam itu menjadi ugama rasmi. Bagaimana kita hendak claim hendak menda'wa satu ugama menjadi ugama rasmi bagi sa-buah negara yang ka-semua penganut<sup>2</sup> ugama lain tundok sedang kita tidak dapat membuktikan kebaikan-nya. Dan ini tentu-lah orang tidak mahu menyebut dengan mulut tetapi dia akan berkata di-dalam hati ugama Islam ugama rasmi, ugama lain pun ada. Dengan demikian Islam mendapat kedudukan istimewa. Yang sa-benar-nya apabila satu<sup>2</sup> ugama itu menjadi ugama rasmi maka bertanggung-jawab-lah Kerajaan menunjukkan bahawa ugama rasmi itu mesti menjadi contoh. Jikalau tidak, tidak ada ma'ana dia menjadi ugama rasmi hanya merengkam dalam dada kita. Ini-lah Tuan Yang di-Pertua, yang saya mengshorkan kepada Kerajaan dan saya tuntutan. Dan selain daripada itu Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita pun, Kerajaan pun tiap<sup>2</sup> kali bila menyebut hendak membuat Universiti Islam, baharu<sup>2</sup> ini membuat juga Seminar Pendidikan Islam. Seminar demi seminar. Kamudian janji demi janji, macham<sup>2</sup> lagi dan jawapan kita meshuarat pada hari itu ada pada saya dekat dua puloh, bermacham<sup>2</sup> putar belit-nya. Yang itu bagini, yang ini bagini. Dan dalam ucapan ini, saya tidak

tahu-lah Kerajaan masok sama atau pun tidak atau pun Kerajaan potong berkenaan Islam ini, saya tidak tahu. Tetapi saya berharap-lah ini menjadi satu tuntutan daripada ra'ayat kita.

Yang ketiga berkenaan dengan Undang<sup>2</sup> Bank dan Pasaran Saham. Ini Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai pada masa-nya kita buat satu peratoran yang menguntungkan perdagangan negari kita tetapi saya tidak sempat hendak merojokkan kepada mana<sup>2</sup> maklumat oleh kerana ucapan di-beri semalam dan hari ini dapat. Tidak dapat-lah saya hendak berchakap banyak dan barangkali pehak Kerajaan sahaja-lah yang tahu ini. Barangkali "Embargo" ada kepada mereka itu. Ini amat-lah mustahak, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu Banking System di-negeri kita ini bukan sahaja kita hendak menjaga wang<sup>2</sup> yang di-simpan oleh client atau pun customer kepada bank<sup>2</sup> itu tetapi hendak-lah bank ini menjadi satu alat, satu alat yang menyalorkan perkembangan ekonomi. Kita tidak mahu bank itu sa-mata<sup>2</sup> menjadi tempat ajen perjalanan wang (currency) dalam masyarakat tetapi kita juga mahu bank<sup>2</sup> ini menjadi ajen bagi Kerajaan dan bagi perkembangan ekonomi baharu. Dengan demikian baharu-lah kita dapat seruan yang di-buat di-bawah-nya itu ia-itu hendak-lah kita bekerjasama dengan pehak<sup>2</sup> private sector bagi memajukan negara ini terutama dalam melaksanakan tujuan ekonomi baharu.

Tuan Yang di-Pertua, private sector dalam sa-sabuaah masyarakat amat-lah penting. Yang pertama tanpa kechergasan mereka itu negara kita ini akan menjadi negara taukeh, negara berniaga dengan ra'ayat. Tetapi kalau kita serahkan kepada private sector banyak sangat, maka teraju negara kita ini akan di-determine atau akan di-terajukan oleh private sector ini. Mithal-nya kita katakan di-dalam perindasterian membuat benda<sup>2</sup> yang berat ia-itu heavy industry. Kalau ini di-pegang oleh private sector dan negara kita berhajat kepada barang maka dia yang akan dictate, dia-lah yang akan meletakkan harga, dan dia-lah yang akan menentukan barang<sup>2</sup> raw material dan segala<sup>2</sup>-nya. Ini pun adalah satu perkara yang amat penting. Tuan Yang di-Pertua, ini pun tidak ada kepada kita. Yang ada-nya sa-mata<sup>2</sup> mengatakan dalam masa 20 tahun kita hendakkan 30 peratus perlibatan. Sa-patut-nya di-tafsirkan perlibatan itu di-dalam sector<sup>2</sup> yang tertentu.

Mithal-nya di-dalam private sector bagaimana kita hendak menyalorkan orang<sup>2</sup> bumi-putra dan orang<sup>2</sup> Melayu untuk membuat pekerjaan itu. Dengan tidak ada projek yang sa-macham ini, dengan tidak ada projek yang di-pelajari, satu projek yang sa-macham ini, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, private sector yang akan melibatkan diri dengan kita hanya-lah akan merupakan puak<sup>2</sup> capitalist yang akan menentukan nasib kita dalam negara kita ini. Dengan demikian rancangan Dasar Ekonomi Baharu tidak akan terchapai. Ini berkenaan dengan getah dan gula. Getah, saya berasa bimbang, Tuan Yang di-Pertua, akan turun naik-nya harga getah, berdasarkan sebab<sup>2</sup> dalam negeri. Saya bimbang tentang stockpile bagi negeri<sup>2</sup> yang besar, the Big Five dengan the Big Ten yang orang sebutkan, ia-itu Gergasi Lima dan Gergasi Sepuluh. Mereka ini boleh menaikkan harga dan boleh menurunkan harga. Mithal-nya di-Amerika sendiri stockpile-nya banyak, kalau mereka itu berasa bahawa harga ini akan naik, maka mereka boleh mengugut negeri<sup>2</sup> lain bahawa mereka akan menjual benda<sup>2</sup> dalam stok walau pun mereka mengatakan kami sudah sampai kepada buffer stock yang tertentu, kami akan jualkan sekian<sup>2</sup> banyak dalam masa dua minggu, maka dengan demikian harga getah di-negeri kita ini pun turun, apabila turun, sa-kali dia beli dan di-champorkan ka-dalam stockpile-nya. Ini . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Ada 5 perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Meshuarat di-tempohkan sa-lama 15 minit.

*Persidangan di-tempohkan pada pukul 4.45 petang.*

*Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.00 petang.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, kita tinggalkan masalah getah dan kita serahkan kepada kebijaksanaan Kabinet kita untuk menolong small-holders atau pun pekebun<sup>2</sup> kechil atau pun

pehak<sup>2</sup> yang ada hubungan dengan getah. Dan kita masok pula berkenaan dengan kenaikan harga gula.

Harga gula, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah satu masalah yang besar, dan kalau tidak di-hati<sup>2</sup>kan, maka ini akan menjadi satu gejala yang akan melambatkan perpaduan dalam negara kita. Oleh itu, saya menchadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya bukan sahaja kita menubuhkan sa-buah Jawatan-kuasa Peringkat Parlimen untuk mengkaji filem<sup>2</sup> yang di-katakan berbau jantina, saya menchadangkan juga di-dalam Dewan ini supaya sa-buah Jawatan-kuasa Peringkat Parlimen di-tubuhkan untuk menimbang-nimbang masalah kenaikan gula. Tuan Yang di-Pertua, ini amat-lah penting sa-kali. Saya bacha dalam surat khabar, nampak-nya masalah gula ini sudah meletus di-mana<sup>2</sup> tempat, chabar-menchabar, laong-melaong supaya pehak<sup>2</sup> itu meletakkan jawatan, pehak ini meletakkan jawatan, segala<sup>2</sup>-nya akibat gula.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, menunjokkan gula ada-lah satu masalah yang kena-mengena dengan sa-chara langsung kepada consumers, kepada pelanggan<sup>2</sup> kita. Kita boleh menchari wang dengan jalan lain, tetapi kita tidak-lah begitu pantas untuk menchari wang daripada barang<sup>2</sup> yang menjadi consumption kepada masyarakat kita terutama benda yang necessity. Gula amat-lah penting, sama juga dengan garam. Walau pun benda<sup>2</sup> ini economic goods, bukan free goods yang langsung yang tidak kena duit, tetapi ini-lah yang kena-mengena langsung dengan ra'ayat kita. Tambahan lima sen sa-kati mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah satu masalah yang kechil bila di-pandang dari keseluruhan masyarakat kita. Saya menchadangkan supaya Kerajaan, sa-lain daripada menubuhkan satu Jawatan-kuasa Peringkat Parlimen, faktori<sup>2</sup> gula hendak-lah di-perbanyakkan lagi. Walau pun barang<sup>2</sup> mentah (raw material) seperti sugar cane, belum dapat di-ujudkan, boleh kita impot daripada luar negeri, asalkan kita boleh membuat faktori<sup>2</sup> gula itu dengan banyak.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja kita dapat menolong menurunkan harga gula, tetapi kita boleh memberi pekerjaan kepada orang<sup>2</sup> kita dan di-samping itu kita boleh mengadakan by-product ia-itu benda<sup>2</sup> yang tidak boleh jadi gula daripada tebu itu, boleh

di-jadikan benda<sup>2</sup> yang lain. Biasa-nya by-product ini bukan-lah satu perkara kecil dalam perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih banyak bila mendengar bahawa salah satu daripada perhatian Kerajaan terhadap keamanan negara kita ini ia-lah berkenaan dengan keganasan komunis di-sempadan<sup>2</sup>. Nampak-nya komunis dan aktiviti komunis ini-lah yang menjadi sebab besar menghalang perpaduan dan keamanan negara kita. Saya bimbang pada mula-nya, takut<sup>2</sup> di-katakan aktiviti komunis dan komunis<sup>2</sup> termasuk juga Parti Islam sa-Tanah Melayu mengachau negara kita ini. Tetapi apabila Parti Islam sa-Tanah Melayu tidak di-sebut di-sini, maka itu-lah bukti bahawa pehak Parti Islam sa-Tanah Melayu juga sama<sup>2</sup> dengan Kerajaan menghadapi keganasan<sup>2</sup> komunis terutamanya, Tuan Yang di-Pertua, di-sempadan Negeri Thai dengan Malaysia, ia-itu di-negeri Kelantan. Kerajaan Kelantan pun sama<sup>2</sup> juga dengan Kerajaan Malaysia menchari helah untuk menumpaskan gerakan komunis di-sapanjang sempadan dan kalau-lah Kerajaan hendak melihat bagaimana pehak saya bekerjasama dengan Kerajaan untuk menentang komunis ini beri-lah peluang sama kepada kami ia-itu di-Sabah dan Sarawak untuk memerintah di-sana dan kita akan bekerjasama dengan Kerajaan dalam perkara ini.

Dalam masalah dasar luar, Tuan Yang di-Pertua, saya sa-bagai sa-orang yang muda dalam Dewan ini, pengetahuan saya pun muda dan saya tidak dapat hendak berchakap banyak, sebab dasar luar negeri ini terlalu sensitif dalam zaman sekarang ini. Tetapi apa yang saya bimbangkan ia-lah berkenaan dengan kechergasan pertubohan ASEAN kita, bila kita memandang kedudukan Vietnam pada masa ini nampak-nya sa-makin hari sa-makin berat, dan polisi kita mesti-lah sa-makin sa-hari sa-makin complete dan berdiri di-atas kaki sendiri. Saya takut apabila satu<sup>2</sup> keadaan timbul yang lebeh burok, maka kita akan teragau<sup>2</sup> sama ada kita hendak berkiblat ka-Timor atau pun kepada Amerika Sharikat atau pun ka-Barat dan kalau kita tidak mempunyai stand pada waktu ini lagi, saya rasa ini amat-lah berbahaya. Segala ranchangan ekonomi baharu, segala ranchangan yang kita buat, segala<sup>2</sup>-nya akan tergendala dengan sebab tidak tentu-nya satu<sup>2</sup> polisi luar negeri.

Yang akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Selat Melaka. Ini pun satu perkara yang international juga dan saya juga dalam Dewan ini mengshorkan supaya kita melantek sa-buah Jawatan-kuasa Perengkat Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, memang saya perchaya Kabinet kita atau Kerajaan kita boleh menghadapi masaalah ini. Tetapi kalau masaalah ini sudah di-jadikan masaalah national, saya lebeh chenderong supaya Dewan kita atau negara kita ini melantek sa-buah Jawatan-kuasa Perengkat Parlimen supaya ka-semua kekuatan yang ada dalam negara kita ini menyerupai pendirian kita. Tidak peduli parti<sup>2</sup> yang memerintah, parti<sup>2</sup> yang membangkang, yang sa-paroh membangkang, ka-semua-nya masok di-dalam itu supaya kita dapat membuktikan bahawa dalam masaalah internasional kita ada-lah satu bangsa dan kita berdiri solid di-dalam perkara ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, pun untong juga kalau di-adakan Jawatan-kuasa Perengkat Parlimen begitu kerana hasil penyiasatan itu dapat kita trace back. Ma'ana-nya kita kembali balek ka-belakang sejarah<sup>2</sup>-nya dan jadikan perkara ini satu perkara yang amat penting bagi jenerasi kita.

Saya teringat, Tuan Yang di-Pertua, masaalah Selat Melaka ini bukan sahaja timbul di-masa kita merdeka, tetapi kalau tidak silap saya pada tahun 1825 sa-orang Ahli undang<sup>2</sup> internasional Belanda namanya kalau dalam buku Arab di-sebut Rashid. Maka dia ini-lah yang membangkitkan masaalah kedudukan Selat Melaka itu. Saya rasa ini dapat di-bongkarkan bukan sahaja Parlimen kita dapat kebaikan, tetapi dari segi scholastic pun kita dapat baik dan ini dapat kita kemukakan kepada dunia. Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, Selat Melaka ini tidak akan berhenti sa-takat yang kita bacha dalam surat khabar atau pun sa-takat perkara<sup>2</sup> biasa atau pun dapat di-atasi dengan hanya Menteri<sup>2</sup> kita melawat Indonesia pergi ka-Makasar, tengok adek-beradek di-sana. Balek dari situ selesai-lah Selat Melaka. Saya tidak fikir begitu benda ini akan boleh pergi sampai ka-Majlis Internasional dan pada masa ini-lah kita berharap supaya Yang Berhormat Peguam Negara kita memberi pengorbanan-nya dalam menegakkan bahawa Selat Melaka itu ada-lah Selat kita dari segi undang<sup>2</sup>.

Mr President, Sir, at the present juncture of the financial crisis brought about by the absurdly low price of rubber, any increase in the price of commodities especially the essential commodities would have a serious effect on the consumers, particularly the low income group and the Government should not allow prices to go up when people are earning less. Many commodities have actually gone up in price not by 5% but by 10% and 20% or more. To quote a few instances, the price of beer has gone up by 20%, a tube of toothpaste has gone up by 10% and a tin of 5 pound milk powder by about 10%—this is supposed to be an essential food for babies—and the price of sugar has recently gone up by 5 cents per kati. We all realise that the Government has been fighting price rise especially to control the price of essential food commodities, but in spite of this the price rise still persists. It is, therefore, imperative that more efficient and stern measures must be taken, and I would urge the Ministers concerned:

- (a) to recruit more price controllers to be posted in various cities and towns to check unscrupulous profiteering and find out whether any price increase, especially in essential commodities, e.g., sugar, rice, milk, etc., is justifiable;
- (b) there should be profit control over the various manufacturers and especially the big factories for making too high a margin of profit; and
- (c) the Government should consider subsidising the essential commodities such as sugar, milk, rice, etc.

I understand the Government has subsidised the price of raw sugar before but has abandoned the measure due to overwhelming pressure on the world markets. I hope the Government will reconsider this matter and will continue to subsidise raw sugar. I also ask them to consider freezing the price increases on necessities. Lastly, in the event of the Government being unable to control the price rise; to consider allowing free entry or increase the quota of essential commodities like sugar, flour, milk from foreign countries. In other words, to allow more free enterprises in the importation of foodstuffs which will certainly help to bring down the prices.

Mr Speaker, Sir, the second subject I am going to bring to the notice of this House is

the matter concerning health. First, I would like to speak on the recruitment of Malaysian nurses from abroad. At the last Senate meeting in my speech on the Supply Bill, 1972, I touched on the problem of the acute shortage of trained nurses in the Malaysian hospitals and urged the Ministry of Health to recruit qualified and highly trained Malaysian nurses from abroad. I am glad to say that the new Minister of Health had signified in his statement made in Kangar in mid-February, 1972, his intention of getting trained Malaysian nurses back from the United Kingdom to overcome the shortage of about 2,000 nurses in our country to meet the expanding health services under our Second Malaysia Plan. I understand from a statement that a team has already been sent to the United Kingdom to interview Malaysian nurses, but we are still unaware of the results. As far as I gather, so far the results have not been very encouraging. I understand from the report of a London Correspondent who interviewed a cross-section of Malaysian nurses now working in the United Kingdom—published in the *Straits Times* of 19th March 1972, (Singapore edition)—the majority of Malaysian nurses want to make use of their training in Britain for the benefit of their fellow countrymen, i.e. for the Malaysians, but they have their fears and doubts which should be clarified and certain basic conditions guaranteed by the Government before they could accept the jobs and return home to serve the country. As published in the papers, these fears and doubts are:

firstly, will their jobs be permanent or just temporary to bridge across the period of the present shortage of nurses;

the second one is how stiff is the Bahasa Malaysia test and what will be the time limit for getting through the test;

thirdly, will the pay and conditions of service compare favourably with those they get in Britain—like salaries, increments and advancement of career;

fourthly, what are the prospects of promotion;

fifthly, will they be given assurance that their jobs are available immediately after they return home and do not have to wait for months and months before they find a

job, as had happened before. Will they be treated on par with those trained in Malaysia?

Lastly, can these nurses apply for the jobs from overseas before coming home?

So these are questions which must be cleared before the return of these Malaysian nurses, most of whom went on their own personal expenditure for training. I think unless these doubts and fears are erased and conditions of service improved and adjusted, the chances of success of the recruitment team will not be very bright. We must realise that Britain is nurse-hungry and that Malaysian girls have for many years now built up a reputation in hospitals as keen, efficient and willing workers and are better paid with better conditions of service and better chances of promotions and advancement in their future career. So I hope the Minister of Health will give this matter his serious consideration.

The third subject now, Mr President, Sir, that I wish to bring to this House is about the subject of the killer drugs sold at the Chinese drug shops. We read so much about these in the newspapers, first concerning Singapore and now here. Honourable Members of this House are probably aware of the information given in the newspapers recently of the incidence of a number of cases of poisoning and some deaths in Singapore resulting from the taking of patent medicines sold at the Chinese drug shops. These medicines according to reports are one "Sin Lak" asthmatic pills, i.e. pills used for asthma. Then there is the Yang Chen Brand of "Pak Po Chin Fan San"; thirdly the Lantern Brand or "Choo Peck Chin Fan San"—all these have been published in the newspapers—and lastly it is the "Hor Chor San" which we discovered in Malaysia and it was analysed in Kuala Lumpur. It is Gold Fish brand which is supposed to be manufactured in Ipoh. Now all these medicines are either imported from China or elsewhere or made locally by the Sinsehs. The first one I mentioned is asthmatic pills and the last two are for infantile uses, that is for children, to treat convulsions and children's disorders like diarrhoea and vomiting. These drugs when analysed were found to contain excessive dosage of a controlled poison, arsenic. The "Sin Lak" pill was found to contain, after analysis, 1.1% of arsenic and

the other two drugs I mentioned just now contain 2.2% arsenic. And then the "Hor Chor San" which was found in Malaysia was found to contain 1.85% of arsenic and 0.24% of lead.

Now, these killer drugs containing arsenic if taken in excessive doses will cause acute poisoning, diarrhoea, vomiting, bleeding, collapse and death. Even if they are taken in normal dosage over a long long period, they could cause chronic poison leading to ill-health, complications and death. Taking into consideration the close proximity of Singapore and Malaysia, and of the common ways of life and mentality exhibited by the people of the two nations, what has happened in Singapore could well be expected to happen in Malaysia and it is reasonable to assume that the killer drugs sold in Singapore are probably being sold in Malaysia, although the Minister of Health announced some time ago there was no report of "Sin Lak" asthma pills being sold in Malaysia. But we cannot be sure of it, because these vendors may be for all we know hiding the medicines somewhere for fear of being prosecuted. So to protect the illiterate section of the people from the harmful effects of these patent drugs, I would like to urge the Ministry of Health to take appropriate actions to ban the sale of all these killer drugs. I understand from the newspapers a few days ago that we have already banned the Hor Chor San which has not been discovered here, but I hope the Ministry of Health will ban the other drugs as well. Then we must encourage the voluntary surrender of these drugs by shops or vendors who still possess them. I understand from the papers that steps have been taken by the Director-General of Health to check on the drug shops by Medical Officers and they are doing their duty daily. Furthermore, I would urge the Ministry to control strictly the advertisements and sale of patent medicines and restriction may be required to put a stop to all types of fantastic medical claims being advertised through the various media and that each specimen of patent drug should label clearly the quality and quantity of its ingredients and should be chemically analysed to ascertain the evidence of any controlled poison, like arsenic, lead, mercury, etc. that it may contain.

I am happy to note that the Minister of Health has already signified his intention as appeared in his statement published in the

berhubung dengan Kerajaan akan menubuhkan satu Jawatan-kuasa untuk meneliti berhubung dengan filem<sup>2</sup> sex.

Tuan Yang di-Pertua, perkara penubuhan ini, rasa saya sudah terlambat. Walau pun terlambat ta' apa-lah ada juga di-tubuhkan, kerana kebanyakan filem<sup>2</sup> yang tersebut datang-nya daripada Barat maka kita tahu bagaimana-kah akhlak yang ada di-dunia Barat hari ini. Kita baca dalam akhbar dan juga pengakuan<sup>2</sup> yang mana kejadian<sup>2</sup> jenayah berlaku berkaitan dengan filem<sup>2</sup> yang tersebut. Jadi di-negara kita ini juga rasa saya, tiap<sup>2</sup> hari barangkali kalau kita baca akhbar telah berlaku kejadian jenayah yang berkaitan dengan sex. Saya yakin dan per-chaya sebab-nya tidak lain dan tidak bukan kerana terlampau luas orang ramai boleh menyaksikan filem<sup>2</sup> itu walau pun sa-bagai-mana yang di-nyatakan oleh rakan saya saudara Abu Bakar bin Hamzah tadi kita telah menghalalkan ratu chantek, tetapi rasa saya tidak begitu leluas. Boleh jadi barangkali yang menyaksikan 100 atau 200 orang tetapi filem ini boleh di-tayangkan sa-hingga satu bulan atau dua bulan boleh meliputi seluruh ra'ayat kita tidak kira yang muda, tidak kira yang tua. Kalau yang tua ini barangkali menengok itu baik-lah sedikit. Tetapi yang muda ini tentu-lah mendatangkan merbahaya kepada akhlak-nya masing<sup>2</sup>.

Tuan Yang di-Pertua, patut sangat-lah sudah sampai masa-nya kita bertindak kalau boleh haramkan terus kemasokan filem yang tersebut kerana kita tahu kalau sa-kira-nya kita adakan berbagai<sup>2</sup> Jawatan-kuasa Penapis mungkin barangkali esok bochor juga penapisan itu. Jawatan-kuasa Penapis tersebut akan berpegang dari segi undang<sup>2</sup>. Maka perkataan undang<sup>2</sup> ini susah sedikit hendak di-mantikkan kerana dia boleh lari di-sini dan boleh pergi ka-sana maka loyar<sup>2</sup> kita pun sudah banyak hari ini. Kalau sa-kira-nya tidak lulus, shariat itu tidak dapat tayangkan filem ini, tidak chukup satu loyar dia pakai empat loyar supaya filem ini dapat di-luluskan. Jadi dengan kebijaksanaan loyar<sup>2</sup> kita maka pehak penapis tidak dapat menghujah melawan hujah<sup>2</sup> yang di-bawa oleh loyar<sup>2</sup> tadi. Kesimpulan-nya filem itu di-luluskan. Yang untung shariat yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masaalah gula ini ada-lah satu masaalah yang sangat berat hari ini. Walau pun naik-nya 5 sen kalau sa-kati gula. Hetong panjang kalau

sa-buah keluarga memakan 50 kati gula chuma \$2.50. Itu pandang kasar-nya tetapi manakala di-halusi roti pun sudah naik harga, chokelat pun sudah naik harga, bubor ka-chang pun sudah naik harga. Dan budak<sup>2</sup> di-sekolah hari ini kueh<sup>2</sup> yang biasa di-jual 5 sen, hari ini tidak dapat di-jual dengan harga 5 sen kerana harga gula naik 5 sen sa-kati. Kueh yang di-jual 5 sen sudah tidak boleh di-jual 5 sen.

Saya rasa masaalah ini patut-lah pehak Kerajaan mengkaji sa-mula di-atas kenaikan ini. Yang saya berasa pelek, sa-masa harga 40 sen tempoh hari susah sangat hendak mendapatkan gula, pergi ka-kedai mana pun hendak minta dua kati pun ta' dapat, tetapi pada hari ini di-kedai<sup>2</sup> kechil pun 2 pikul pun boleh di-dapati. Ta' tahu-lah saya macham mana, barangkali mereka ini ada satu projek gula yang bagitu senang untuk membuat gula, barangkali saperti tongkat hikmat, pup! datang gula. Ini kerana naik 5 sen, tetapi tempoh hari sa-masa kita ber-sidang dahulu, gula ini terlampau susah hendak di-dapati. Jadi, saya rasa, pehak Kerajaan patut sangat-lah mengambil perhatian yang berat berhubung dengan benda<sup>2</sup> yang bagini supaya pehak<sup>2</sup> perusahaan tidak mengambil untong yang bagitu lumayan berhubung dengan satu<sup>2</sup> pekara itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baharu yang menjadi motif ucapan Titah Uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sangat<sup>2</sup>-lah menarek hati saya, kerana bukan sahaja pengharapan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahkan juga harapan Kerajaan dan kita semua yang ada di-dalam Dewan ini bahawa Dasar Ekonomi Baharu ini akan dapat di-laksanakan saperti mana yang di-harap<sup>2</sup>kan.

Tuan Yang di-Pertua, kesempurnaan Dasar Ekonomi Baharu ini terpulang-lah kepada kaki-tangan<sup>2</sup> Kerajaan yang ada hari ini. Atau pun kesempurnaan pelayaran sa-buah kapal itu, maka terpulang-lah kepada nakhoda dan juru mudi-nya sendiri. Kalau sa-kira-nya kaki-tangan<sup>2</sup> kita yang ada hari ini maseh lagi tidak mahu bersunggoh<sup>2</sup> untuk menjayakan Rancangan Ekonomi Baharu ini, rasa saya, rancangan itu akan tinggal rancangan sa-mata<sup>2</sup>. Jadi pengharapan orang ramai terutama sa-kali ra'ayat bumiputra supaya dapat menukar chorak-nya hari ini

sangat-lah besar, tetapi kalau sa-kira-nya nakhoda<sup>2</sup> atau jurumudi<sup>2</sup> yang kita harapkan untuk melaksanakan dasar ini chuai atau tidak bertanggung-jawab, maka harapan daripada Kerajaan, harapan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan harapan kita semua akan hampa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah dasar ekonomi baharu ini juga ada kaitannya pekerja<sup>2</sup> dengan perusahaan<sup>2</sup>. Maka dalam masaalah perusahaan ini akan mengambil pekerja<sup>2</sup> dan pehak Kerajaan telah merayu beberapa kali supaya pekerja<sup>2</sup> yang di-ambil di-dalam satu<sup>2</sup> perusahaan itu hendak-lah mencherminkan penduduk Malaysia kita ini. Tetapi malang-nya, hingga hari ini rayuan yang tulus ikhlas yang di-buat oleh pehak Kerajaan, yang di-buat oleh Perdana Menteri kita ini maseh lagi tidak di-indahkan oleh pehak<sup>2</sup> yang berkenaan. Saya rasa sampai-lah masa-nya pehak Kerajaan mengadakan satu undang<sup>2</sup> supaya segala perusahaan<sup>2</sup> yang ada di-dalam negara kita ini mengambil pekerja<sup>2</sup>-nya mencherminkan penduduk<sup>2</sup> Malaysia hari ini.

Dan lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah pekerja ini, ada satu perkara yang hendak saya terangkan di-sini, supaya pehak yang berkaitan dapat mengambil satu inisiatif untuk mengatasi atau menyiasat perkara ini sama ada chakap saya ini benar atau pun tidak. Perkara ini telah sampai kepada saya bahawa ada perusahaan<sup>2</sup> yang churang berkenaan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF) atau pun potongan Wang Simpanan Pekerja. Mithalan-nya sa-orang membuka satu sharikat mengambil pekerja, kemudian ia ada memotong Wang Simpanan Pekerja, tetapi takut<sup>2</sup> Wang Simpanan Pekerja ini tidak di-sampaikan kepada pehak yang berkenaan. Perkara ini tidak mustahil, perkara ini berlaku dan sa-memang sudah ada berlaku. Jadi saya berharap pehak yang berkenaan—EPF, membuat penyisatan selalu kepada sharikat<sup>2</sup> yang tersebut supaya buroh<sup>2</sup> ini tidak teraniaya. Kalau hendak tunggu laporan daripada EPF kadang<sup>2</sup> dua tahun tidak sampai kira<sup>2</sup> simpanan mereka itu kepada pekerja<sup>2</sup> yang menyimpan wang di-dalam EPF. Hendak tunggu pula tulis surat, kadang<sup>2</sup> tiga kali tulis surat ta' dapat jawapan satu pun. Ini biasa berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-nya saya berchakap pada petang ini ia-lah berkenaan

dengan masaalah dasar luar kita yang mana pada hari ini kita telah membuat dasar yang bebas. Saya ada-lah menguchapkan tahniah kepada pehak Kerajaan kita yang telah begitu tegas untuk menjalankan dasar-nya, terutama berhubung dengan masaalah Selat Melaka, perayeran Selat Melaka hari ini pehak Kerajaan kita telah benar<sup>2</sup> bersung-goh<sup>2</sup> mempertahankan Selat Melaka itu, tidak mahu di-internationalkan. Jadi, rasa saya, sikap tegas ini patut-lah kita amalkan bersung-goh<sup>2</sup>.

Berhubung dengan perkara benchana kominis yang mana askar<sup>2</sup> kita telah menentang dengan bagitu chemerlang, tetapi malangnya hingga hari ini, saya belum dengar lagi pengkajian di-buat di-atas gaji, kedudukan askar<sup>2</sup> kita yang berkhidmat hari ini. Saperti mana yang di-nyatakan oleh saudara kita tadi, bahawa askar<sup>2</sup> kita yang berkhidmat itu ada kala-nya di-beri dia bersara sa-masa umur-nya 45 tahun. Tetapi kalau pehak<sup>2</sup> kakitangan<sup>2</sup> Kerajaan ada dengan Surohanjaya Suffian-nya, pehak guru ada dengan Surohanjaya Aziz-nya, tetapi pehak askar kita belum ada lagi Surohanjaya untuk mengkaji kedudukan pendapatan askar<sup>2</sup> kita itu. Saya berharap pehak yang berkenaan, pehak Kerajaan membuat kajian supaya kedudukan askar kita yang menyabong nyawa itu dapat di-jamin.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya ada-lah berdiri menyokong penoh di-atas chadangan memberikan Uchapan Terima Kaseh di-atas Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kaseh.

**Dato' Dr Cheah Toon Lok:** (*Dengan izin*)  
Mr President, Sir, I wish to thank God for being able to have the honour and privilege of listening to the Gracious Speech by His Royal Majesty at the first meeting of the Second Session of the Third Parliament on 9th May, 1972 and today to be able to stand up and support the Motion moved by my Honourable colleague, Senator Tuan Kamarul Ariffin and seconded by Dato' Crawford.

The speech has highlighted many points in our policy and the method of implementation of the policy. There are certain points raised by the mover of the motion regarding the implementation of the policy in His Royal Majesty's Gracious Address. First, the use of computers in the Evaluation Unit

of our policy implementation. Computerisation is not always perfect. The perfection of this computerisation depends on the interpretation we put into it and you must have the people to evaluate the results of this computerisation. I agree with him that we should have our own local Stock Exchange and at the same time have insurance from the Government sector to support our own National Insurance. He stated that the problem of labour could be solved if we were to send our young men to Germany which is so short of labour. The other point was on the Offices of Ambassadors. Ambassadors must have Offices that should keep up the dignity of our nation, of our country and the reputation of our people. But if we have not got the Officers, I agree with him that we should not have those Embassies.

There is another point raised by my Honourable friend Dato' Crawford about rubber. He said that the gradual deterioration in the price of rubber is because the market is controlled by Singapore, but I believe that the market for rubber or marketing control comes from Germany, from London or from New York. May be Singapore buys the stock of rubber, keeps it, just like any tradesman and sells it when the rubber has got a high price and keeps it when the price is low. I do not think it is fair to blame Singapore for our lack of foresight, because we control rubber. Singapore is only the source of marketing, we are the people to do it. Mr President, Sir, it is up to us how we should sell our rubber to Singapore; how to prevent Singapore from getting our rubber.

I am afraid Sir, that in keeping with the traditions of democracy Parliament is the acme, the highest point in which the people should have the voice for the representatives of this democracy. But I am afraid today the value of being a Member of Parliament of Malaysia has gone down. The reason I say this is because I know of some Members of this House who have asked for visas to go to Great Britain. Some Members have got houses in Great Britain, and have got children staying there. I believe it is not the fault of the British High Commission; it might be the fault of a very Junior Passport Officer who had written back to the applicant to say that he must show that he has got a return ticket before a visa could be issued to him and he must also show travel-

lers cheques to show how much he was going to spend in London.

Now, being a Member of this House, this most important House, and also being a member of the C.P.A., the Commonwealth Parliamentary Association, has a Member to submit to all these indignities? Should we as Members of Parliament join any more the Commonwealth Parliamentary Association? Is not our dignity eroded by that type of answer we get from the British High Commission? I have spoken to our Prime Minister about this matter. I say that it is not right that our Members of Parliament should be treated in that way because our Parliament, our Government is responsible for the tour in London. It should be an honour to accept our Members of Parliament who go to see London, to pay a visit to see how the Government of Great Britain is working. But today I am so sorry that we have people in this country who do not even belong to our country, who think that our Parliament is of no importance and that it does not really represent democracy in this country. I do not know what action the Government will take on this matter, but I hope that the Government will not treat the people of Great Britain whom we love, the same way as the British High Commission has treated us. If the British people want to come here, well, we could give them, if they so require, a visa, a simple visa because we know that they have got to go back. Nobody is going to stay in a country without any money. I hope our Government won't treat them in the same way as they treat us. We have got to show that we have got some pride in this country and we have got also dignity in this country.

Mr President, Sir, after all, the King's speech is a broad panorama of what is going to become of Malaysia. Within 15 years, lots of people expect us to do miracles. I do not think miracles could be performed within 15 years. Tun Abdul Razak is a wonderful Prime Minister. As soon as he came to this office he has got colleagues who are most wonderful—colleagues in the Administrative Service, like Civil servants. But the most important point that is left out in the King's Speech was the administration of justice and the Legal Service. I believe, Sir, they should receive the highest praise; they are the best I think in any part of the world. Our

Department of Justice and our Legal Service, they are the corner-stone of any administration. If there is no justice in any country, nothing can move, no administration can move. So, I hope this thing will be corrected; we must give praise to our Department of Justice and to our Legal Service as I say they are second to none in the world.

Regarding the foreign policy of this Government, the Government has not yet enacted any new foreign policy. The only thing we have today is ASEAN, a sort of cultural and social understanding for people who are our neighbours. I hope ASEAN will produce goodwill, friendship, trade, commerce, education, culture and so on between neighbours. This is a very good association but there are certain things which must be looked ahead to. Who are our neighbours in this country? We think there are five of them only, but there are the big neighbours who are coming out. For instance, Japan is a big power. She is a land-hungry power, a power that has got to survive. As I said before, her air is polluted, her ground is polluted, her sea is polluted. How can she survive if she does not move out of Japan and unless she can control pollution. And there is another giant who is coming out, a giant who has taken 4,000 years to wake up—China. What is going to happen to our South-East Asia within, say, 20 years? With China, with all her technical knowledge, with her knowledge of science and atomic energy, with all her manpower, what will become of us? We are a small power of 10 million people only, less than the population of Tokyo? What will become of us? How are we going to adjust our living, our culture, our education, our language towards two big powers who are coming out in the East? How are we, a small nation of 10 million people, to adjust our attitude? If we come to the Asean concept, we have got less than 200 million to counter a population of nearly 700 million. So I think the Government has got to move carefully and evaluate our foreign policy in this aspect. I am not going to talk about little things like sex and so on because they are of no importance; these are of local interest, only. (*Ketawa*). What is of interest is how are we to survive as a nation in a country full of friends, or maybe enemies. We must survive somehow, and we have to find our way of survival. Now, we

have a policy regarding the freedom of the seas. Now we say the Straits of Malacca belongs to us. According to international law of the sea we have got a limit of 12 miles from the foreshore but I understand the narrowest passage in the Straits of Malacca is 17 miles—17 miles are the narrowest passage. Are we to claim only 12 miles or to claim all? It is free for all the shipping to go through now and we have got to go against these great powers—Great Britain, Russia, Japan and other nations, who do not agree with us. We have got to be careful but we can make a protest, that the Straits belongs to us until the United Nations make a decision regarding the matter.

The other points arising out of His Majesty's speech, which are left unspoken, are understood. The frustration of the people: the frustration not because of anything but the frustration because of no jobs. Children coming out of school without being able to find work. I know of women and men who for 3 meals a day are prepared to work at a shop for \$5 a month just to get pocket money. \$5 a month for 3 meals a day. Do you expect the proprietor of the shop to pay E.P.F. for \$5. If he does not pay, if he has got 5 or 3 employees he has got to pay a fine. So, I think there should be some adjustment in our policy regarding youth, employment and then in our policy regarding cost of living. Mr President, Sir, just now, I heard the people blame Tun Tan Siew Sin for the cost of living. It is not he who has raised the cost of living. He is only a member of the Cabinet. The man who is really responsible is the Minister of Commerce and Industry. He is the man in charge of industry and commerce but since the Minister is away, then Tun Tan Siew Sin has got to be the spokesman for the Cabinet and he is blamed because he is the Minister of Finance. I do not think it is fair. Every time it is said Tun Tan has raised the prices. He has to find money. Why? Because the implementation of our Second Malaysia Plan is so costly, he has got to find the money but the agreed method of implementation is wrong. I have told Tun Tan before that if the sales tax of 5% is imposed, you get only \$84 million. There are in this country one million telephone subscribers; if you look at the Telecoms Report there are one million subscribers. If you raise up \$10 per subscriber per telephone per month you get

\$10 million per month, you get \$120 million per year's income without going to all these extreme measures of raising 5% on this and on that, getting so many things to be done, to employ more people, with so much chances of corruption coming in and this and that. The method is so simple with the same people doing the same work. Only \$10 per telephone per month and you get \$10 million a month; you get \$120 million instead of \$84 million a year. Why not do the simple exercise and why do all these difficult exercises. Mr President, Sir, I think this is a very good implementation policy.

I wish to raise my voice in support of Dato' Thuraisingham about his speech on the implementation of the education policy. Without the knowledge of English, we would not have such a good judiciary system in this country. We would not have so many good lawyers in this country and we would not have the Attorney-General sitting with us today. So I expect the implementation of the educational policy must be based, as I said, on Bahasa Malaysia and Bahasa Inggeris—two very important languages in the world. For communication in our country Bahasa Malaysia is very important

and for the world Bahasa Inggeris is important. But for small countries like us, we can learn our Bahasa China or Bahasa Tamil—we can learn them from the schools or we can get teachers to teach us. It makes no difference. But integrated schools, as he said just now, are very important, and I agree with him 100% on that. We should evaluate through computerisation—Yang Berhormat Enche' Kamarul Ariffin agrees on that—computerisation on the implementation of our policy regarding education and see whether it can be done. If it can be done, well it is very good for our country, but if it cannot be done I hope we can improve it and try to do it next time.

Mr President, Sir, as time is coming up and I would like to shorten my speech here, although I have got plenty of things to say and I have got plenty of notes here. But I have raised up some important points. Thank you.

**Tuan Yang di-Pertua:** Meshuarat ditanggohkan sa-hingga pukul 2.30 petang esok, 11hb Mei, 1972.

*Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.*